



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 349

**AKTA PESURUHJAYA
TANAH PERSEKUTUAN
1957**

(Disemak—1988)

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur, bagi *Federal Lands Commissioner Act 1957* sebagaimana disemak dalam tahun 1988. Melainkan dan sehingga ditetapkan sebagai sah di bawah seksyen 7 (1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) ia bukannya perundangan.

Disemak sehingga 1hb Oktober 1988

Tarikh versi semakan ini
disiarkan dalam *Warta* 27hb Oktober 1988

Tarikh yang ditetapkan untuk
mula berkuatkuasanya versi
semakan ini *menurut sek-*
syen 6 (1) (xxiii) Akta
Penyemakan Undang-Undang
1968 (Akta 1) 3hb November 1988

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 349****AKTA PESURUHJAYA TANAH
PERSEKUTUAN 1957****(Disemak—1988)**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen


1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Pemerbadanan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.
4. Kuasa-kuasa Perbadanan.
5. Penyempurnaan dokumen-dokumen.
6. Pemberitahuan perlantikan dalam *Warta*.
7. Perletakhakan harta.
8. Perletakhakan hak-hak dan liabiliti-liabiliti Ketua Setiausaha.
9. (*Ditinggalkan*).

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 349

AKTA PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN 1957

(Disemak—1988)




Suatu Akta yang berhubungan dengan penubuhan dan pemerbadanan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[*Malaysia Barat—27hb Ogos 1957;*
Malaysia Timur—27hb Oktober 1967.]

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957. Tajuk ringkas.

2. Dalam Akta ini— Tafsiran.



“harta” meliputi semua estet, kepentingan, isemen dan hak, sama ada menurut ekuiti atau undang-undang, pada, kepada atau daripada harta, dan benda dalam tindakan.

3. (1) Yang di-Pertuan Agong, dari semasa ke semasa, boleh melantik seorang pegawai awam menjadi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Pemerbadanan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

(2) Pegawai yang pada masa itu dilantik menjadi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan pengganti-penggantinya dalam jawatan hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan di bawah nama “Pesuruhjaya Tanah Persekutuan” (kemudian daripada ini disebut “Perbadanan”).

(3) Perbadanan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya yang tersebut dan adalah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai tersebut boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, suatu cap yang mengandungi teraan "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan.

Kuasa-
kuasa
Perbadanan.

4. Perbadanan boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih, dan boleh memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik dan memulangkan, menggadai, menggadaijanji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahmilik atau dengan cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih yang terletak pada Perbadanan mengikut apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

Penyempurnaan dokumen-dokumen.

5. (1) Segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang memerlukan meterai Perbadanan hendaklah dimeteraikan dengan meterai Perbadanan di hadapan—

(a) Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, atau

(b) mana-mana pegawai yang telah ditetapkan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi maksud-maksud subseksyen ini melalui pemberitahuan dalam *Warta*,

yang hendaklah menandatangani tiap-tiap suratikatan, dokumen atau suratcara lain itu yang padanya dicapkan meterai perbadanan, dan penandatanganan itu hendaklah menjadi keterangan yang cukup bahawa meterai tersebut telah dicapkan dengan sempurnanya dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Perbadanan yang sah.

(2) (*Ditinggalkan*).

6. Suatu pemberitahuan dalam *Warta* mengenai perlantikan mana-mana orang menjadi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa orang itu telah dilantik sedemikian dengan sepenuhnya.

Pemberitahuan perlantikan dalam *Warta*.

7. (1) Semua harta tak alih yang, sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa, telah terletak pada Ketua Setiausaha bagi maksud-maksud Kerajaan Persekutuan atau bagi maksud-maksud Kerajaan mana-mana Negeri atau Negeri Selat atau bagi maksud-maksud Keretapi Tanah Melayu termasuk harta yang terletak pada Ketua Setiausaha, Persekutuan Tanah Melayu, di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 7 Ordinan Ketua Setiausaha (Pemerbadanan), 1949, hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa dan tanpa apa-apa pemindahan, penyerahkan atau pemindahmilikan jua pun, terletak pada Perbadanan bagi hakmilik, estet atau kepentingan yang serupa dan dengan pemegangan yang serupa serta bagi maksud-maksud yang serupa sepertimana hakmilik, estet atau kepentingan itu telah diletakkan atau dipegang sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa.

Perletak-hakan harta.

5/49.

[*Subseksyen (1) tidak terpakai bagi Sabah dan Sarawak—Lihat P.U. 495/67.*]

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui Perintah, meletakkan pada Perbadanan apa-apa harta, alih atau tak alih, yang pada masa itu terletak pada mana-mana pegawai atau pihak berkuasa awam dan, apabila mana-mana perintah sedemikian mula berkuatkuasa, harta yang berhubungan dengan Perintah itu hendaklah, tanpa apa-apa pemindahan, penyerahkan atau pemindahmilikan jua pun, terletak pada Perbadanan bagi hakmilik, estet atau kepentingan yang serupa dan dengan pemegangan yang serupa serta bagi maksud-maksud yang serupa sepertimana hakmilik, estet atau kepentingan itu telah diletakkan atau dipegang sebelum sahaja Perintah itu mula berkuatkuasa.

(3) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui Perintah, meletakkan pada mana-mana pegawai atau pihak berkuasa awam apa-apa harta, alih atau tak alih, yang pada masa itu terletak pada Perbadanan dan, apabila mana-mana Perintah sedemikian mula berkuatkuasa, harta yang berhubungan dengan Perintah itu hendaklah, tanpa apa-apa pemindahan, penyerahkan atau pemindahmilikan jua pun, terletak pada pegawai atau pihak berkuasa itu bagi hakmilik, estet atau kepentingan yang serupa dan dengan pemegangan yang serupa serta bagi maksud-maksud yang serupa sepertimana hakmilik, estet atau kepentingan itu telah diletakkan atau dipegang sebelum sahaja Perintah itu mula berkuatkuasa.

Perletak-
hakan hak-
hak dan
liabiliti-
liabiliti
Ketua
Setiausaha.
No. 5
tahun 1949.

8. Semua hak, kuasa dan liabiliti yang, sebelum sahaja Akta ini mula berkuatkuasa, terletak pada atau dipertanggungkan ke atas Ketua Setiausaha, Persekutuan Tanah Melayu, menurut kuasa seksyen 8 Ordinan Ketua Setiausaha (Pemerbadanan), 1949 atau selainnya hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, terletak pada atau dipertanggungkan atas Perbadanan.

[Seksyen 8 tidak terpakai bagi Sabah dan Sarawak—
Lihat P.U. 495/67.]

9. (Ditinggalkan).

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 349

AKTA PESURUHJAYA TANAH
PERSEKUTUAN 1957

(Disemak—1988)

*Butir-butir di bawah seksyen 7 (ii) dan (iii) Akta
Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1)*

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuatkuasa dari
P.U. 332/1958 ..	Ordinan Titel Jawatan 1949	14-11-1958
P.U. 477/1965 ..	Perintah Kanun Tanah Negara (Pemansuhan dan Pindaan) 1965	24-12-1965
P.U. 495/1967 ..	Perintah Pengubahsuaian Un- dang-Undang (Perluasan ke- Negeri-Negeri Borneo) 1967	27-10-1967
Akta A570 ..	Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pindaan) 1983	17-12-1983

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA
YANG DIGANTI

No.	Tajuk
P.T.M. No. 44 tahun 1957	Ordinan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, 1957